



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/75 (HQ)

PARAS AIR EMPANGAN DI TAHAP SELAMAT

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan bahawa paras air di semua empangannya di seluruh Semenanjung berada pada tahap selamat walaupun hujan lebat melanda bahagian utara tanah air.

"Pelepasan air secara terkawal telah dijalankan dan ini mengikut prosedur yang sedia ada. Ini adalah untuk memastikan operasi empangan berada di tahap normal dan selamat," kata Pengurus Besar Kanan (Operasi Aset) Bahagian Penjanaan TNB, Ir. Roslan Abd Rahman.

Justeru orang ramai dinasihatkan agar tidak sewenang-wenangnya menyebarkan sebarang maklumat yang tidak sahih bagi mengelakkan tercetusnya keadaan panik yang akan memburukkan lagi keadaan.

"Biarpun keadaan cuaca bertambah baik buat masa ini, kami akan terus memantau keadaan di semua empangan kami, dari semasa ke semasa" kata Ir. Roslan.

Empangan hidroelektrik TNB ialah Stesen-Stesen Janaelektrik Cameron Highlands di Pahang, Stesen-Stesen Janaelektrik Sungai Perak di Perak dan Stesen-stesen Janaelektrik Kenyir di Terengganu.

Menurut Ir. Roslan lagi, TNB dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan masyarakat di sekitar empangan-empangannya telah pun selesai menjalankan latihan pelan tindakan kecemasan di kesemua empangan pada hujung bulan lepas.

Matlamat utama latihan ialah untuk mengemaskini komunikasi antara TNB dan agensi berkaitan, persediaan menghadapi sebarang bencana dan menguji tahap keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan dan Keselamatan di setiap empangan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 4:00 petang, 6 November 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*